



BANJIR...Norzaharah bersama suami memberi makan ayam peliharaan walaupun kawasan reban dan rumah dinaiki air.

Tengkujuh bertandang

'Kejadian terburuk'

Sekeluarga terpaksa pindah ke balai raya

>>Oleh Suzaini Sulaiman

am@hmetro.com.my

KUALA SELANGOR: "Kejadian banjir ini adalah terburuk sejak lima tahun saya dan keluarga menetap di Kampung Seri Makmor. Seperti tahun sebelum ini, paras air terus meningkat menyebabkan kami sekeluarga terpaksa bermalam di balai raya," kata Norzaharah Md Yamin, 29.

Norzaharah antara 36 mangsa banjir di Kampung Seri Makmor, Permatang, di sini yang terpaksa dipindahkan berikutan paras air semakin meningkat ekoran hujan lebat bermula Jumaat lalu.

Menurutnya, dia bersama suami dan dua lagi ahli keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan kira-kira dua kilometer dari rumahnya kerana bimbang paras air yang semakin tinggi disebabkan hujan yang masih belum berhenti.

Katanya, dia hanya dapat membawa beberapa helai pakaian ke pusat pemindahan manakala barangan lain seperti perkakasan elektrik disimpan di tempat yang selamat di rumahnya bimbang akan rosak sekiranya air mula masuk ke rumah.

Seorang lagi mangsa, Mohd Jamsari Jamil, 38, berkata dia mula bimbang dengan

"Kejadian banjir ini adalah terburuk sejak lima tahun saya dan keluarga menetap di Kampung Seri Makmor"

>Norzaharah Md Yamin

keadaan banjir selepas mendapati air mula naik sehingga paras lutut.

Menurutnya, dia kemudian mengambil keputusan untuk memaklumkan kepada ahli keluarganya supaya menyiapkan kelengkapan untuk dipindahkan ke pusat pemindahan sementara menunggu paras air surut.

"Pada mulanya saya jangkakan air tidak naik begitu tinggi, tetapi bila hujan renyai dan tidak berhenti dalam tempoh beberapa jam, saya mula gusar dan memaklumkan semua ahli keluarga supaya bersedia untuk berpindah ke tempat yang lebih selamat.

"Saya ke pusat pemindahan bersama lima ahli keluarga yang lain menaiki kereta yang kebetulan saya letakkannya di paras yang lebih tinggi.

"Saya turut membantu beberapa mangsa yang lain membawa mereka ke tempat yang selamat iaitu balai raya Kampung Seri Makmor dan memastikan semuanya selamat daripada bencana alam ini," katanya.

Dalam kejadian banjir terbaru itu, sembilan keluarga yang terdiri daripada 36 individu antara mangsa yang dipindahkan ke balai raya kampung berkenaan berikutan paras air di Sungai Selangor yang semakin meningkat ekoran hujan lebat sejak beberapa hari lalu.

Bagi mengurangkan kesulitan yang dihadapi mangsa, anggota polis, Ikatan Relawan Rakyat (Rela) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) ditempatkan di kawasan berkenaan bagi membantu mengawal keadaan.

Mangsa juga menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Umno Kuala Selangor yang menyumbangkan peralatan tidur, pakaian dan peralatan memasak.

Sementara itu, Ahli Parlimen Tanjung Karang, Datuk Seri Noh Omar turut turun padang malam kelmarin ke pusat pemindahan banjir bagi meninjau keadaan mangsa selain menyampaikan sumbangan RM500 bagi setiap keluarga yang terjejas.